

19 SEP 1998

KOMANWEL: DR MAHATHIR SAKSI PERTANDINGAN ANGKAT BERAT

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat beberapa venue pertandingan Sukan Komanwel ke-16, di sini.

Beliau memulakan lawatannya dengan mengiringi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar ke Padang PKNS Kelana Jaya untuk menyaksikan perlawanan kriket.

Perdana Menteri kemudian ke Pusat Pameran Mines di sini untuk menyaksikan acara mengangkat berat. Beliau juga meluangkan masa kira-kira 30 minit untuk menyaksikan acara snatch akhir bagi kategori lebih 105kg.

Dr Mahathir kemudian menyaksikan acara lumba basikal di Velodrom Kuala Lumpur Cheras dan meluangkan masa kira-kira dua jam di Stadium Nasional, Bukit Jalil untuk menyaksikan pertandingan olahraga.

Perdana Menteri juga menyampaikan pingat emas kepada pasukan gimrama negara

- Thye Chee Kiat, El Regina Tajudin, Carolyn Au-Yong dan Sarina Sundarajah

-

yang menjuarai acara gimrama berpasukan dengan mengutip 93.023 mata di Stadium Putra Bukit Jalil.

Selepas itu, Dr Mahathir ke Stadium Hoki Nasional berdekatan untuk memberikan sokongan moral kepada pasukan Malaysia yang menentang India pada perlawanan separuh akhir.

Sokongan kuat dan berterusan daripada para penyokong negara membolehkan skuad hoki negara menang tipis 1-0 untuk mengalahkan India.

-- BERNAMA

TM NAK